



---

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2014**

---

**PENGURUSAN WANG AWAM : TUNTUTAN ELAUN,  
KEMUDAHAN DAN BAYARAN PEGAWAI PERKHIDMATAN  
AWAM**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**PEJABAT BENDAHARI  
22 SEPTEMBER 2014**

---

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2014**

---

**PENGURUSAN WANG AWAM : TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang pindaan dan penguatkuasaan pemakaian Peraturan Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Pegawai Perkhidmatan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (WP 1.4/2013).

Pindaan dan pemakaian peraturan tersebut mendapat kelulusan dan perakuan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun Universiti Bil 3/2014 yang telah diadakan pada 23 Julai 2014.

**2.0 LATARBELAKANG**

Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan pekeliling baharu mengenai Pengurusan Wang Awam bagi kategori tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran anggota perkhidmatan awam iaitu WP 1.4/2013 bertarikh 03 Julai 2014.

Perubahan yang terdapat melalui pekeliling ini ialah mengenai kemudahan perjalanan dengan kapal terbang, bayaran sewa hotel dan lojing. Universiti secara dasarnya menerima untuk menggunakan Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 walaubagaimanapun ianya tertakluk kepada beberapa pindaan dan pemakaian sepertimana para 3.

### 3.0 PERLAKSANAAN

#### 3.1 Kemudahan Perjalanan Menggunakan Kapal Terbang

##### Perjalanan Domestik

Kelas tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik bagi staf Universiti dipinda kepada kelayakan berikut:-

Penerbangan Di Dalam Negeri (Domestik)	
Gred	Kelas
53 dan ke atas	Perniagaan
52 dan ke bawah	Ekonomi

\*Para 3.2.1.1 Pekeliling Bendahari Bil 2/2014 adalah dibatalkan.

##### Perjalanan Luar Negeri

Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan antarabangsa sebagaimana para 3.2.1.2 Pekeliling Bendahari Bil 2/2014 adalah dikekalkan seperti berikut:-

Penerbangan Ke Luar Negeri (Antarabangsa)	
Gred	Kelas
Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor	Perniagaan
Lain-lain	Ekonomi

#### 3.2 Kadar Bayaran Sewa Hotel & Lojing

##### 3.2.1 Bertugas Rasmi Dalam Negeri

Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya dan perlu menginap adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat kelayakan sepertimana berikut:-

### Dalam Negeri

Gred	Elaun Makan		Hotel		Loging	
	Semenanjung Malaysia	Sabah, Sarawak & Labuan	Semenanjung Malaysia	Sabah, Sarawak & Labuan	Semenanjung Malaysia	Sabah, Sarawak & Labuan
Utama / Khas A dan Keatas	115	165	350	350	80	85
Utama / Khas B dan C	100	130	350	350	75	80
53 & 54	85	115	350	350	70	75
45 - 52	60	80	240	270	60	70
41 - 44	45	65	220	250	55	60
27 - 40	40	55	200	230	45	50
17 - 26	40	55	180	210	40	45
1 - 16	35	50	160	190	35	40

Tuntutan bayaran Hotel perlu disokong dengan resit tertakluk kepada kadar kelayakan pegawai.

Bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan atau bayaran lain yang wajib ke atas sewa hotel adalah layak dituntut dan dikira sebagai sebahagian dari kadar bayaran sewa hotel itu.

### 3.3 Tuntutan Perjalanan

Bagi tuntutan perjalanan, Pegawai dikehendaki menyertakan bukti perjalanan termasuk resit tol / penyata 'touch n go' bagi membuktikan sesuatu perjalanan yang dilakukan. Pejabat pembayar berhak untuk tidak membayar komponen bayaran tol sekiranya gagal menyertakan resit / penyata 'touch n go' tersebut.

Ketua Pusat Tanggungjawab adalah dikehendaki terus mengawal dan mengamalkan perbelanjaan berhemat selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2014 bertarikh 02 Januari 2014.

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga pindaan dimaklumkan.

Sekian ,terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'**



**SHARIFAH 'ALWIAH BT SYED ALWI**

Bendahari

22 September 2014

s.k Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (A & A)  
Timbalan Naib Canselor (P & I)  
Timbalan Naib Canselor (HEMA & Alumni)  
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
Ketua Seksyen Kewangan, Pejabat Bendahari (Seksyen RMC)  
Ketua Zon Kewangan, Pejabat Bendahari (Zon B)  
Ketua Zon Kewangan, Pejabat Bendahari (Zon C)

Universiti Teknologi Malaysia